

# MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

## GARISPANDUAN & BORANG PERMOHONAN

### PERAKUAN PENDAFTARAN PENUH BAGI

### WARGANEGARA MALAYSIA YANG MENAMATKAN

### LATIHAN SISWAZAH **DI DALAM** NEGARA

#### Sila maklum:

- a. Maklumat di bawah disediakan bagi membantu anda.
- b. Sila baca dengan teliti setiap maklumat berikut sebelum melengkapkan borang permohonan.
- c. Sila patuhi sepenuhnya **SETIAP** terma dan syarat yang digariskan.
- d. Kegagalan melengkapkan dokumen dengan sempurna boleh menyebabkan permohonan anda lewat diproses.
- e. Majlis Perubatan Malaysia **TIDAK AKAN** bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan yang berpunca dari kegagalan anda untuk mematuhi terma dan syarat yang digariskan.

1. Selaras dengan **Akta Perubatan 1971** anda diwajibkan berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) jika ingin mengamalkan perubatan di Malaysia. Sehubungan itu, permohonan anda perlulah dikemukakan **SEBELUM** anda mula mengamal.
2. Bagi melayakkan diri anda **berdaftar penuh**, anda perlu samada:
  - a. berdaftar sementara dengan MPM dan telah melengkapkan latihan siswazah yang ditetapkan oleh Lembaga Kelayakan Perubatan dengan memuassakan **dan** berkhidmat di dalam perkhidmatan awam (melainkan anda diberi kelonggaran di dalam melaksanakan perkhidmatan wajib atau dibenarkan mengamal di sektor swasta); **ATAU**
  - b. berdaftar dengan majlis perubatan luar negara dan telah mengamal di dalam bidang perubatan klinikal selama tidak kurang dari 3 (TIGA) tahun atau mempunyai kelulusan kepakaran dalam disiplin klinikal.
3. Selaras dengan peruntukkan **seksyen 39** hingga **44 Akta Perubatan 1971** yang mensyaratkan setiap pengamal perubatan menjalani perkhidmatan wajib di dalam perkhidmatan awam selama tiga tahun secara terus menerus sebaik sahaja berdaftar penuh, MPM tidak akan memproses permohonan anda sekiranya anda tidak memenuhi mana-mana syarat tersebut (melainkan anda diberikan kelonggaran khidmat wajib atau dibenarkan mengamal di sektor swasta)
4. Bagi pemohon **warganegara** yang telah menjalani latihan siswazah **DI DALAM NEGARA**:
  - 4.1. Permohonan anda perlu dihantar **melalui majikan anda** dalam tempoh **SATU BULAN** selepas tamat latihan siswazah. Jika permohonan dihantar melebihi tempoh tersebut, anda perlu menyertakan penjelasan terperinci punca kelewatan bersama-sama dengan ulasan dari majikan. ( Selaras dengan Perkeliling Ketua Pengarah Kesihatan *Surat Pekeliling KPK Bil. 2 Tahun 2006 : Pendaftaran Pengamal Perubatan Selepas Tamat Menjalani Latihan Siswazah Di Bawah Akta Perubatan 1971*)

- 4.2. Anda **dikecualikan** dari membayar yuran pemprosesan.
- 4.3. Sila kemukakan dokumen berikut mengikut jumlah salinan yang dinyatakan.
- Satu salinan ijazah asas perubatan:
    - Bagi graduan dari Indonesia – Sila kemukakan salinan kedua-dua *Sarjana Kedokteran (S. Ked.)* **dan** *Ijazah Kedokteran*;
  - Bagi graduan dari India - Sila kemukakan juga salinan kedua-dua *Compulsory Rotating Houseman/Internship Certificate* **dan** *Bonafide Student Certificate*;
  - Borang Permohonan pendaftaran penuh (**BORANG 9**);
  - Borang Lampiran A**;

NOTA: Bagi borang-borang dinyatakan diperenggan c dan d di atas:

- Borang hendaklah dilengkapi dengan **HURUF BESAR** (sebaik-baiknya ditaip).
- Sila pastikan ruangan wajib (**bertanda \***) dilengkapi sebelum mengemukakan permohonan.
- Untuk alamat tetap dan surat menyurat pada **borang 9**, sila gunakan **alamat di Malaysia**.

- Borang A** asal dari **Buku Log** untuk 3 disiplin (jika anda memulakan latihan siswazah sebelum **31 Disember 2007**) atau 6 disiplin (jika anda memulakan latihan siswazah pada atau selepas **1 Januari 2008**).
  - Borang 6** asal bertajuk ‘**Perakuan Pengalaman Dalam Sesuatu Jawatan Perubatan Berptempat Tinggal**’; dan
5. **SEMUA** salinan dokumen yang dilampirkan perlu di sahkan mengikut **Garis Panduan Pengesahan Salinan Dokumen** seperti dilampiran.
6. Jika nama anda di dalam ijazah dan kad pengenalan/pasport berbeza, sila kemukakan Surat Aduan Sumpah.
7. Sekiranya dokumen asal bukan di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, anda perlu mengemukakan versi terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris berserta salinan dokumen asal yang telah disahkan. Dokumen terjemahan hanya akan diterima sekiranya diterjemahkan oleh penterjemah yang berkelayakan atau pegawai dari kedutaan yang berkenaan.
8. Selaras dengan kehendak **seksyen 19 Akta Perubatan 1971**, sesalinan laporan perubatan atau sijil cuti sakit terkini perlu juga dikemukakan, sekiranya anda:
- menghidapi penyakit atau mempunyai masalah fizikal yang boleh menggugat tugas profesional;
  - menghadapi masalah mental dan/atau pernah dimasukkan ke dalam hospital kerana penyakit mental; dan/atau
  - mengambil cuti melebihi kelayakan (sila sertakan salinan sijil cuti sakit).
9. Anda dinasihatkan untuk menyimpan salinan **semua dokumen** yang dihantar untuk rujukan anda.
10. Sila hantar permohonan anda ke alamat berikut:

***Pendaftar Pengamal Perubatan  
Majlis Perubatan Malaysia,  
Aras 2, Blok E1, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA.***

11. Permohonan boleh dikemukakan secara peribadi atau melalui pos.
  12. Sebelum mengemukakan permohonan, sila pastikan permohonan anda lengkap dengan merujuk kepada Senarai Semak yang disediakan.
  13. Sebaik permohonan anda diterima, anda akan dimaklumkan secara bertulis.
    - a. Jika anda layak mengamal, anda boleh melapor diri untuk bertugas dan mengamal dengan serta merta; **ATAU**
    - b. Jika dinyatakan sebaliknya, anda akan dimaklumkan berkenaan kekurangan yang didapati pada permohonan anda. Permohonan hanya akan diproses apabila dokumen lengkap. Anda adalah dinasihatkan untuk memberi **maklumbalas segera** kepada makluman dari MPM berkenaan kekurangan yang didapati pada permohonan anda.
  14. Pemprosesan Sijil Pendaftaran Penuh (Borang 10) mengambil masa selama **4 (EMPAT)** minggu.
- NOTA : Surat yang dikeluarkan oleh MPM seperti dinyatakan pada perenggan 13(a) adalah memadai untuk anda mula mengamal. Anda **TIDAK PERLU** menunggu sijil.
15. Sijil akan dihantar terus kepada anda melalui pos dan majikan anda akan dimaklumkan sewajarnya. Jika anda ingin mengambilnya sendiri di pejabat kami sila nyatakan dengan jelas di dalam borang permohonan. Sekiranya anda ingin mewakili orang lain mengambil sijil tersebut bagi pihak anda, sila sertakan surat kuasa.
  16. Sila maklumkan pertukaran alamat dengan melengkapkan borang Lampiran A yang baru.
  17. Sila **hubungi kami** sekiranya anda:
    - a. Tidak dimaklumkan secara bertulis apabila permohonan anda di serahkan;
    - b. Tidak mendapat maklumbalas dari kami setelah tamat tempoh memproses permohonan; dan/atau
    - c. Memerlukan sebarang bantuan atau mempunyai pertanyaan.

Kerjasama anda amat dihargai. Terima kasih.

Yang benar,



**Dr. Hj. Wan Mazlan bin Hj. Mohamed Woojdy,**  
Setiausaha.

**Tarikh : 14 September 2008**

**Semakan :**  
Pertama: **18 Disember 2008.**  
Kedua : **18 Jun 2009.**

**Borang 9**  
**(Peraturan 22)**

**Akta Perubatan 1971**  
**(Seksyen 14(1))**

**Peraturan Perubatan 1974**

**PERMOHONAN PENDAFTARAN PENUH**

1. Nama penuh :\*
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
2. No. Sijil Pendaftaran Sementara :
- \_\_\_\_\_
3. (a) Alamat Tetap:\*
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- (b) Alamat surat-menyurat :
- (Sekiranya berlainan)
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
4. Saya lampirkan dokumen-dokumen yang berikut sebagai bukti saya telah memenuhi syarat-syarat pengalaman sepertimana dinyatakan di bawah Seksyen 13 Akta Perubatan 1971:
- \* (a) Perakuan di bawah Seksyen 13 (2) Akta Perubatan.
  - \* (b) Perakuan di bawah Seksyen 13 (3) Akta Perubatan.
  - \* (c) Perakuan pengecualian yang dikeluarkan di bawah Seksyen 13(6) akta Perubatan.

Tarikh\*: \_\_\_\_/\_\_\_\_/\_\_\_\_

Tandatangan Pemohon: \* \_\_\_\_\_

\* *Potong mana yang tidak berkenaan.*

**BORANG LAMPIRAN A**

**BORANG PERMOHONAN  
PENDAFTARAN PENUH**

Sila lekatkan gambar  
bersaiz passport  
terkini anda di sini  
(35mm x 45mm)

1. **NAMA\***: Dr. ....  
(Huruf Besar seperti di Kad Pengenalan/Pasport)

2. **NAMA LAIN**: .....  
(Jika ada)

3. **KEWARGANEGARAAN\***: ..... 4. **AGAMA**: .....

5. **JANTINA\***: Lelaki/Wanita (Sila pilih satu) 6. **BANGSA**: .....

7. **STATUS PERKAHWINAN**: Bujang/Kahwin/Duda/Balu/Janda (Sila pilih satu)

**Jika berkahwin: Nama pasangan**: .....

**Pekerjaan**: ..... **Warganegara**: .....

8. **ALAMAT: Rumah**: .....

**Surat-Menyurat** : .....  
(jika berlainan)

9. **KOMUNIKASI\***: **Telefon - Pejabat**: .....-..... **Faks**: .....-.....

**Bimbit**: .....-.....

**Emel: Rasmi**:.....

**Peribadi**:.....

10. **IJAZAH ASAS PERUBATAN\***:

**Nama universiti yang menganugerah**: .....

**Nama ijazah**: .....

**Tarikh Anugerah**: .....

11. **CARA SIJIL DIHANTAR**: Sila ✓ satu sahaja.

a. Sila Pos  b. Ambil Sendiri  c. Diambil oleh Wakil

**Tandatangan Pemohon\***: \_\_\_\_\_ **Tarikh\***: \_\_\_\_/\_\_\_\_/\_\_\_\_

(NOTA: Jika ruangan tidak mencukupi, sila gunakan helaian tambahan).

**BORANG 6**

(Peraturan 21)

AKTA PERUBATAN 1971

(Seksyen 13 (2))

PERATURAN PERUBATAN 1974

PERAKUAN PENGALAMAN DALAM SESUATU JAWATAN PERUBATAN  
BERTEMPAT TINGGAL

ADALAH DENGAN INI DIPERAKUI bahawa .....  
yang memegang Sijil Pendaftaran Sementara bernombor .....

- \* (a) Setelah diambil kerja sebagai seorang pegawai perubatan bertempat tinggal di hospital yang berikut dalam tempoh-tempoh dan jabatan-jabatan yang tersebut di bawah dan setelah melaksanakan perkhidmatan yang memuaskan dalam tempoh-tempoh tersebut:

Nama Hospital	Samada dalam Jabatan Perubatan, Pembedahan dan Kebidanan	Tempoh		Tandatangan pegawai yang menjaga Hospital dan Tarikh
		Dari	Hingga	

- \* (b) dan setelah memperolehi sesuatu perakuan sebagaimana yang tercatat di bawah Seksyen 13 (2) Akta Perubatan dari Lembaga Kelayakan Perubatan

PERAKUAN DARI LEMBAGA KELAYAKAN PERUBATAN

Adalah diperakui bahawa Lembaga Kelayakan Perubatan berpuas hati bahawa orang yang didaftarkan sementara yang namanya tersebut di atas telah melaksanakan perkhidmatan yang memuaskan atas jawatan perubatan bertempat tinggal menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 13(2) Akta Perubatan.

Tarikh : .....

.....  
*Tandatangan  
Pengerusi  
Lembaga Kelayakan Perubatan*

Telah memenuhi syarat-syarat berkenaan dengan pengalaman dalam jawatan perubatan bertempat tinggal yang diperuntukan di bawah Seksyen 13 (2) Akta Perubatan.

Tarikh: .....

.....  
*Yang Di Pertua,  
Majlis Perubatan Malaysia*

---

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

## SENARAI SEMAK:

### Senarai dokumen yang perlu dikemukakan:

1. **Borang 9** –Borang Permohonan Pendaftaran Penuh
2. Borang Lampiran A
3. Buku Log asal (Borang A) untuk kesemua 5/6 Disiplin:
  - a. Perubatan
  - b. Pembedahan
  - c. Kanak-kanak
  - d. Perbidanan dan Sakitpuan
  - e. Ortopedik
  - f. Kemalangan dan Kecemasan
4. Borang 6 – Sijil Pengalaman Bekerja Dalam Bidang Perubatan
5. Salinan ijazah asas perubatan yang disahkan.   
**Untuk graduan dari Indonesia** sahaja - Salinan *Sarjana Kedokteran* dan *Ijazah Kedokteran*
6. **Bagi graduan dari institusi India sahaja** - salinan dokumen yang disahkan:
  - a. *Compulsory Rotating Houseman/Internship Certificate.*
  - b. *Bonafide Student Certificate.*
7. Laporan perubatan/sijil cuti sakit yang disahkan, jika berkenaan.

# MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA


## GARIS PANDUAN PENGESAHAN DOKUMEN

### Sila ambil perhatian:

- a. Maklumat ini disediakan khusus bagi membantu anda.
- b. Sila baca setiap maklumat berikut dengan teliti sebelum melengkapkan borang permohonan.
- c. Sila patuhi sepenuhnya **SETIAP** terma dan syarat yang digariskan.
- d. Kegagalan melengkapkan dokumen dengan sempurna akan menyebabkan permohonan anda lewat diproses.
- e. Majlis Perubatan Malaysia tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kelewatan ekoran ketidakpatuhan kepada peraturan yang ditetapkan.

1. Garispanduan Pengesahan Dokumen adalah untuk memastikan bahawa setiap dokumen yang dikemukakan oleh pengamal adalah asli dan pegamal tersebut merupakan pemilik yang sebenar.
2. Setiap salinan pendua dokumen dianggap **sempurna** pengesahan dan diterima pakai oleh Majlis Perubatan Malaysia jika ia mengandungi ciri-ciri berikut:
  - 2.1 Salinan dokumen **perlu** ditandatangani oleh individu yang memegang jawatan berikut:
    - a. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
    - b. Peguambela dan Peguamcara;
    - c. Pesuruhjaya Sumpah;
    - d. *Notary Public*;
    - e. Pegawai Kedutaan atau Pesuruhjaya Tinggi Malaysia diluar negara Kumpulan Pengurusan dan Profesional; atau
    - f. Jaksa Pendamai.
  - 2.2 Pengesahan perlu dibuat pada **SETIAP MUKA SURAT** dokumen yang dikemukakan.
  - 2.3 **SETIAP** salinan pendua dokumen yang disahkan **perlu** mengandungi butiran-butiran berikut:
    - a. Nama penuh pengesah;
    - b. Jika pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM), Nombor Pendaftaran Penuh MPM;
    - c. Jawatan pengesah;
    - d. Alamat lengkap pengesah;
    - e. Butiran pengesahan seperti nama, jawatan dan alamat pengesah yang dicop;
    - f. Pengesah mestilah menurunkan **tandatangan penuh** dan bukannya tandatangan ringkas atau *initial*; dan
  - 2.4 Dokumen yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah perlu disertai cop mohor atau lakri sebagaimana Peraturan 19, Peraturan Pesuruhjaya Sumpah 1993 dibawah *Courts of Judicature Act 1964*.

3. **Contoh** pengesahan dokumen **lengkap dan diterima** adalah seperti berikut:



4. Jika nama anda di dalam ijazah dan kad pengenalan/pasport berbeza, sila kemukakan Surat Akuan Sumpah.
5. Sekiranya dokumen asal bukan di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, anda perlu mengemukakan versi terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris berserta salinan dokumen asal yang telah disahkan. Dokumen terjemahan hanya akan diterima sekiranya ditejemahkan oleh penterjemah yang berkelayakan atau pegawai dari kedutaan yang berkenaan.
6. Mana-mana pengesahan salinan pendua dokumen yang tidak mematuhi perenggan garis panduan, akan dianggap sebagai **TIDAK SAH** dan **DITOLAK**.
7. Pengesahan salinan pendua dokumen juga akan dianggap **TIDAK SAH** dan **DITOLAK** jika:
- Pengesahan dilakukan oleh individu atas dasar 'bagi pihak' pengesah tanpa maklumatnya sendiri;
  - Tandatangan tidak seragam atau berbeza diantara salinan pendua dokumen-dokumen yang ditandatangani oleh individu yang sama.
8. Untuk sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila [hubungi kami](#).  
Kerjasama anda amat dihargai.

Sekian. Terima kasih.

## **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

Saya Yang Menurut Perintah,

**Dr. Hj. Wan Mazlan bin Hj. Mohamed Woojdy,**  
Setiausaha.

Tarikh: **14 September 2008.**

**Semakan :**

Pertama: **18 Disember 2008.**

Kedua : **11 Jun 2009.**